



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) BILANGAN 3 TAHUN 2021

KUALA TERENGGANU, 22 November 2021 - YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 3 Tahun 2021 yang diadakan di Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu.

Dalam mesyuarat ini, Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Kewangan berkenaan pembentangan Bajet 2022 yang bersifat inklusif dan memperuntukan sejumlah besar peruntukan khusus kepada pembangunan dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya (OKU) antaranya pelaksanaan program latihan dan bimbingan ajar oleh Pusat Latihan Berdikari dan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Kerajaan. Selain itu, pengiktirafan Kerajaan terhadap kepentingan Jurubahasa Isyarat di semua rangkaian televisyen dan pembangunan sukan OKU.

Mesyuarat Majlis pada hari ini juga mengambil maklum inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) seperti berikut:-

a) MyDaftar OKU merupakan inisiatif KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meningkatkan jumlah pendaftaran OKU di Malaysia. Ini selari dengan Teras Strategik 8 Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menggariskan tentang keperluan mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif. Sehingga 20 November 2021, seramai 4,797 OKU telah mendaftar dan mendapat kad secara digital. Manakala, seramai 5,803 OKU menunggu untuk disantuni.

Mesyuarat juga secara dasarnya bersetuju dengan kertas pertimbangan cadangan dengan kertas pertimbangan Penerapan Modul Berkaitan Orang Kurang Upaya dalam Kurikulum Kursus Induksi Penjawat Awam dan Program Transformasi Minda JPA bagi Ketua-Ketua Jabatan. Majlis juga memohon kerjasama pihak JPA untuk melihat cadangan ini dan membincangkannya secara terperinci dan melihat kesesuaiannya dalam usaha meningkatkan kefahaman penjawat awam dan ketua jabatan mengenai OKU di samping dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian Dasar 1% OKU dalam Perkhidmatan Awam.

Selain itu, Majlis juga bersetuju dengan kertas pertimbangan mengenai Kandungan Penerbitan Video Pesanan Khidmat Awam Berkaitan Promosi Kesedaran Ketidakupayaan [melalui kerjasama Sekretariat MKBOKU dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)]

- a. Pendaftaran Orang Kurang Upaya
- b. Kesedaran Ketidakupayaan berkaitan *Disability Equality Training* (DET)
- c. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- d. *Independent Living Centre* (ILC)

Penghasilan PSA ini adalah untuk meningkatkan advokasi kepada masyarakat berkaitan OKU dan isu ketidakupayaan.

Sebagai pengiktirafan kepada Orang Kurang Upaya, KPWK melalui JKM akan mengadakan Majlis Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan serentak dengan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Antarabangsa pada 3 Disember 2021 yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri Malaysia. Pada tahun ini tema Hari Orang Kurang Upaya peringkat antarabangsa yang telah dipilih oleh *Department of Economic and Social Affairs, United Nations* adalah *Leadreship and Participation of Persons with Disabilities Toward an Inclusive, Accessible and Sustainable Post-COVID-19 World*". Tema ini telah disesuaikan di peringkat nasional dengan mengambilkira perkembangan semasa OKU di Malaysia iaitu "KEPIMPINAN DAN PENYERTAAN OKU MENUJU ERA ENDEMIK COVID-19".

####

Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 18, No 55 Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya